

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna, apakah jenis kes yang sering difailkan dan apakah tindakan Kementerian dalam memantau kes-kes yang sedemikian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di bawah seliaan KPDNKK, merupakan saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk membantu pengguna mengambil tindakan menuntut ganti rugi terhadap untuk pembelian barangan atau perkhidmatan. Pengguna akan menfailkan dan membawa sendiri tuntutannya terhadap pihak peniaga/ pembekal barangan atau pembekal/ pemberi perkhidmatan di TTPM dengan cara yang mudah, murah dan cepat dan tidak boleh diwakili oleh peguam.

Jenis-jenis kes atau tuntutan yang sering difailkan di Tribunal ialah seperti pembelian barangan secara dalam talian (*online*), gores dan menang, pembelian barangan elektrik, pembelian pakej umrah, ubah suai rumah dan pembaikan kereta.

Kementerian sentiasa memantau dan mengambil berat kes-kes yang sedemikian di mana apabila sesuatu perintah *award* atau tidak dipatuhi dalam tempoh empat belas hari, Pihak Yang Menuntut boleh membuat aduan ketidakpatuhan *award* ke Bahagian Penguatkuasa, kementerian di mana suatu siasatan akan dijalankan dan sekiranya didapati terdapat bukti yang kukuh, pihak Penentang boleh dihadapkan ke mahkamah bagi suatu kesalahan di bawah Seksyen 117(1), Akta Perlindungan Pengguna 1999.
